

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 19

### Salah guna subsidi rugikan rakyat, golongan rentan

## Salah guna subsidi rugikan rakyat, golongan rentan

SAUDARA PENGARANG,

**SUBSIDI** adalah satu mekanisme kerajaan yang bertanggungjawab dan berkauntabiliti dalam membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi menjalani hidup untuk memperoleh barang, perkhidmatan dan sewaan demi kelangsungan hidup.

Melalui subsidi ini, harga barang keperluan harian lebih rendah berbanding nilai pasaran sebaliknya gus mampu membantu golongan berpendapatan rendah sederhana dan rentan yang memerlukan bantuan dan pertolongan daripada kerajaan.

Bagaimanapun, terdapat penyalahgunaan subsidi seperti penyeludupan dan aktiviti menyorok barang. Implikasi kegiatan ini menjadikan subsidi kerajaan untuk membantu rakyat kurang berkemampuan.

Situasi ini merugikan kedua-dua pihak, laitut kerajaan dan rakyat.

Subsidi minyak masak sahaja melebihi RM2 bilion pada 2022. Subsidi itu berdasarkan harga minyak sawit mentah (CPO) di pasaran dunia.

Jika harga CPO melebihi RM4,000 satuan metrik, maka lebih tinggi lagi subsidi yang perlu dibayar oleh kerajaan. Polisi ini diteruskan walaupun kerajaan bersilih ganti sejak 2018 hingga kini.

Mana-mana perniaga yang menjual melebihi harga maksimum ditetapkan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan dikenakan penalti.

Harga barang dan perkhidmatan yang meningkat mewujudkan fenomena inflasi kerana bahan api merupakan input dalam proses pengeluaran.

Bagaimanapun, kadar inflasi negara pada Jun lalu menurun kepada 2.4 peratus. Ini



**Subsidi minyak masak sahaja melebihi RM2 bilion pada 2022. Subsidi itu berdasarkan harga minyak sawit mentah (CPO) di pasaran dunia."**

menjadikannya kadar terendah dalam enam bulan pertama 2023.

Menurut Jabatan Perangkaan, peningkatan perlahan inflasi didorong oleh kenaikan lebih rendah bagi kumpulan restoran dan hotel (5.4%), makanan dan minuman bukan alkohol (4.7%) serta hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (2.3%).

Kerajaan sedang mengkaji penetapan mekanisme bagi diesel dan RON95 untuk memastikan ia dapat dilaksanakan secara efektif.

Bagi mengatasi masalah atau persoalan ini, kerajaan perpaduan pada ketika ini mengambil langkah melaksanakan subsidi bersasar dan penubuhan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dijangka siap pada penghujung tahun ini.

Justeru, rakyat perlu memanfaatkan subsidi dengan sebaiknya kerama ia melibatkan implikasi kewangan besar setiap tahun dan perlu dilaksana secara bersasar, berhemah dan bijaksana selaras gagasan Malaysia Madani yang ampuh dan utuh dalam tatakelola pentadbiran negara.

YOSRI ABU MAHSIN  
Putrajaya



TERDAPAT penyalahgunaan subsidi seperti penyeludupan dan aktiviti menyorok barang.